



A. Kadir Jasin

Tokoh Wartawan Negara 2011
Penasihat Khas Media kepada Perdana Menteri Malaysia

Sejak akhir-akhir ini kita baca, dengar dan lihat di media massa berita mengenai orang Islam di serata dunia melakukan sembahyang sunat minta hujan.

Perkara ini menjadi tajuk berita kerana yang pertama, hal ini berkaitan dengan kemarau yang sedang berlaku di kebanyakan negara. Yang kedua adalah kerana untuk satu jangka masa yang panjang, kegiatan ini jarang-jarang dilakukan.

Akan tetapi, ketika saya kanak-kanak dan remaja pada tahun 1950-an dan tahun 1960-an, Solat Minta Hujan atau Solat Sunat Istisqa diadakan pada setiap tahun pada musim kemarau.

Lagi keras dan panjang musim kemarau tersebut, lagi kerap sembahyang ini diadakan. Pada waktu itu, kehidupan dan kelangsungan amat bergantung pada cuaca dan alam sekitar.

Jadi, kita amat arif mengenai cuaca dan persekitaran. Misalnya, kita boleh mengagak berapa lama dan seteruk mana kemarau akan berlaku. Hal


ini dikatakan demikian kerana kita bergantung pada air hujan untuk kehidupan seharian dan untuk bercucuk tanam, menternak dan menguruskan pengangkutan.


Oleh sebab itulah kebanyakan petempatan didirikan di tepi sungai atau tidak jauh dari kawasan sungai. Sungai ialah sumber utama air dan menyenangkan perjalanan.

Di kampung saya di Kedah, pengangkutan sungai seperti sampan dan motobot digunakan secara meluas hingga akhir tahun 1970-an, apabila jalan air digantikan oleh jalan raya.

Pada waktu itu, tidak termimpi bahawa suatu hari kita akan mendapat air daripada paip dan bersawah dua kali setahun menggunakan air saliran.

Sembahyang Sunat Minta Hujan





Lagi keras dan panjang musim kemarau tersebut, lagi kerap sembahyang ini diadakan. Pada waktu itu, kehidupan dan kelangsungan amat bergantung pada cuaca dan alam sekitar.

Oleh itu, kita berusaha sendiri secara fizikal dan spiritual untuk memastikan kita mempunyai sumber air yang mencukupi. Kita tidak berdoa semata-mata. Kita belajar dan berusaha menggunakan akal dan tulang empat kerat.

Bagi yang tinggal di tepi atau berhampiran dengan sungai, masalah air untuk kegunaan harian tidaklah terlalu rumit. Mereka bermandi-manda dan membasuh di sungai.

Haiwan ternakan seperti kerbau, lembu dan kambing bergerak sendiri ke sungai untuk minum. Kerbau turut berkubang dan itik berenang. Hanya ayam perlu diberikan air di reban.

Walau bagaimanapun, sesekali terdapat juga masalah. Kalau musim kemarau berlarutan, air sungai akan surut. Manusia dan haiwan terpaksa meredah lumpur untuk sampai ke tengah-tengah sungai. Ketika air pasang besar, air laut akan mengalir masuk sehingga berpuluh-puluh batu dari kuala menyebabkan sungai menjadi payau dan airnya tidak boleh diminum.

Akan tetapi, hal ini tidaklah menjadi masalah yang terlalu rumit kerana air pasang besar hanya berlaku beberapa jam dalam sehari, untuk beberapa hari dalam sebulan. Malah, ada kebaikannya kerana ikan air payau seperti siakap dan sembilang akan mudik ke hulu dan boleh ditangkap menggunakan pancing, jala, pukot, belat dan lukah.

Bagi yang jauh dari sungai, mereka bergantung pada air perigi, paya dan anak sungai. Lagi tinggi tanah, lagi dalam periginya. Namun begitu,

bukan semua tempat ada mata air dan bukan semua mata air elok airnya. Ada perigi yang masam airnya kerana kandungan kimia semula jadi di dalamnya berlebihan.

Solat minta hujan ini selalunya diadakan pada sebelah petang, antara waktu Asar dengan Maghrib, di atas padang atau di atas tanah terbuka. Solat tersebut diikuti dengan jamuan ringan yang hidangannya terdiri daripada nasi kunyit berlaukan ikan masin atau telur goreng.

Demikianlah hidup zaman lampau yang amat berkait rapat dengan ibadat, adat istiadat dan alam sekitar. Kita tidak sekadar berdoa, tetapi juga berusaha keras kerana tidak ada lori air yang akan membekalkan air kepada kita dan tidak ada subsidi kalau sawah ladang tidak menjadi.

Wallahuaklam. □